

TABUNG BAITULMAL SARAWAK

Blok A, Blok 3655, Kuching North Land District, Jalan Batu Kawa,
93250 Kuching
Talian Umum : 082-682861 / 082-682863
Talian Kutipan Zakat : 082-683270 Talian Agihan Zakat : 082-683709
Fax : 082-684820 Email : admin@tbs.org.my



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Dengan deklarasi ini, anda bersetuju memberi maklumat peribadi kepada Tabung Baitulmal Sarawak.

Tabung Baitulmal Sarawak akan memproses maklumat peribadi anda seperti yang dinyatakan pada borang dan/atau maklumat serta data selanjutnya yang mungkin diperlukan oleh organisasi daripada pemilik data sendiri.

Maklumat peribadi anda mungkin digunakan, direkodkan, disimpan, didedahkan atau diproses oleh Tabung Baitulmal Sarawak bagi tujuan berikut :

- (a) Untuk penyaluran semua jenis bantuan yang layak dimohon;
- (b) Untuk tujuan penyelidikan dan audit, tidak terhad kepada tujuan sejarah atau statistik;
- (c) Sebarang tuntutan atau penyiasatan atau analisis untuk tuntutan tersebut;
- (d) Untuk memadankan sebarang data berkaitan pemohon yang dipegang oleh Organisasi dari semasa ke semasa;
- (e) Menguruskan dan memberi perkhidmatan yang terbaik bagi menjaga hubungan pelanggan dan Organisasi disamping khidmat pelanggan dapat dipertingkatkan mengikut kesesuaian dan keperluan pelanggan Tabung Baitulmal Sarawak;
- (f) Jika diperlukan dari segi undang-undang atau atas niat yang baik, sekiranya tindakan tersebut diperlukan (i) untuk mematuhi sebarang penguatkuasaan undang-undang atau (ii) untuk melindungi serta mempertahankan hak harta organisasi dan penggunaannya.

Dengan menghantar permohonan ini, anda bersetuju dan memberi kuasa kepada Tabung Baitulmal Sarawak untuk mendapatkan dan mengesahkan sebarang maklumat berkenaan anda daripada anda sendiri atau melalui mana-mana pihak ketiga yang mungkin diperlukan oleh Tabung Baitulmal Sarawak berhubung dengan permohonan anda untuk sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Persetujuan dan permohonan tersebut akan merangkumi sebarang maklumat yang diperolehi dari sumber ketiga, rekod kewangan, data atau maklumat samada disediakan secara peribadi ataupun tidak.

Maklumat yang anda beri kepada Tabung Baitulmal Sarawak adalah perlu dan hendaklah diberikan dengan tepat. Jika anda tidak menyediakan maklumat tersebut kepada organisasi berkemungkinan organisasi tidak dapat memberi sebarang perkhidmatan yang telah disediakan.

Anda boleh melakukan capaian ke atas sesetengah maklumat peribadi yang dipegang oleh Tabung Baitulmal Sarawak berdasarkan undang-undang perlindungan data yang boleh didapati di Malaysia. Anda boleh melakukan capaian ke atas maklumat peribadi anda pada bila-bila masa dengan menghubungi talian umum Tabung Baitulmal Sarawak di talian 082-682861 / 082-682863 atau melalui email : admin@tbs.org.my.

Jika anda boleh menunjukkan bahawa maklumat peribadi yang disimpan oleh Tabung Baitulmal Sarawak tidak lengkap dan/atau ada kesilapan, Tabung Baitulmal Sarawak akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan ianya tepat, lengkap dan terkini selepas menerima pengesahan/maklumbalas anda.

Tabung Baitulmal Sarawak boleh menyemak semula dan mengemaskini Notis Perlindungan Data ini dari semasa ke semasa disebabkan perubahan undang-undang, perubahan dalam amalan tatacara kerja, prosedur dan struktur organisasi serta perubahan terhadap jangkaan tahap privasi oleh masyarakat.

Dengan deklarasi ini, anda membenarkan penggunaan data peribadi anda termasuk data peribadi sensitif.